



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

MENTERI-MENTERI TENAGA ASEAN MEMACU MASA DEPAN TENAGA SERANTAU DI MESYUARAT AMEM KE-43 DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 16 Oktober 2025 — Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43 (AMEM-43) telah bermula secara rasmi hari ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dipengerusikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Mesyuarat yang membincangkan kerjasama tenaga serantau ASEAN ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Mesyuarat ini menghimpunkan Menteri-Menteri Tenaga daripada semua Negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste dan menjadi platform utama rantau ini untuk membincangkan isu keselamatan tenaga serantau, integrasi pasaran, dan peralihan tenaga ke arah masa depan rendah karbon dan mampan.

Mesyuarat ini telah memperakukan Pelan Tindakan bagi Kerjasama Tenaga ASEAN (*ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation - APAEC*) 2026–2030, yang menetapkan sasaran serantau baharu seperti pengurangan intensiti tenaga sebanyak 40%, penetapan 30% tenaga boleh baharu (TBB) dalam Sumber Tenaga Primer (Total Primary Energy Supply - TPES) serta sasaran 45% kapasiti penjanaan TBB dalam kapasiti terpasang menjelang tahun 2030. Sasaran ini mencerminkan

aspirasi ASEAN untuk membina sistem tenaga yang bersih, berdaya tahan dan lebih berintegrasi.

Antara inisiatif utama yang diluluskan oleh AMEM-43 adalah Memorandum Persefahaman (MoU) Dipertingkat bagi Grid Kuasa ASEAN (*ASEAN Power Grid - APG*), Perjanjian Rangka Kerja Keselamatan Petroleum ASEAN (*ASEAN Framework Agreement on Petroleum Security - APSA*), Pelan Hala Tuju Jangka Panjang Tenaga Boleh Baharu ASEAN, serta Inisiatif Pembiayaan Grid Kuasa ASEAN (*ASEAN Power Grid Financing Initiative - APGF*) yang diterajui oleh Bank Pembangunan Asia (*Asian Development Bank - ADB*) dan Bank Dunia (*World Bank*). Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menggerakkan pembiayaan bersepadu bagi projek sambungtara rentas sempadan dan mempercepat pelaksanaan integrasi grid di rantau ASEAN.

Sesi dialog bersama *International Energy Agency* (IEA) dan *International Renewable Energy Agency* (IRENA) memberi tumpuan kepada strategi memperkukuh keselamatan tenaga, meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu, dan memperkukuh keupayaan ASEAN dalam menarik pelaburan mampan. Sementara itu, Dialog ASEAN–Amerika Syarikat menekankan kerjasama dalam teknologi tenaga seperti *Small Modular Reactors* (SMRs), *Carbon Capture, Utilisation and Storage* (CCUS), serta rantai bekalan Gas Asli Cecair (LNG), sekali gus mengukuhkan hubungan strategik serantau dalam teknologi tenaga bersih.

Bersempena dengan AMEM-43, Forum Perniagaan Tenaga ASEAN ke-25 (*ASEAN Energy Business Forum - AEBF 2025*) turut menghimpunkan pembuat dasar, ketua pegawai eksekutif, pelabur, dan inovator bagi membincangkan pengukuhan kerjasama sektor awam–swasta serta pembiayaan hijau. Malaysia melalui kepimpinannya di peringkat ASEAN berharap agar pelaburan dalam menjayakan agenda peralihan tenaga ASEAN dapat dipertingkatkan.

Kepengerusian Sektor Tenaga Malaysia di bawah tema '*Powering ASEAN: Bridging Boundaries, Building Prosperity*' mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh kerjasama serantau dan pembangunan mampan. Seiring dengan kemajuan ASEAN ke arah masa

depan tenaga yang lebih berintegrasi dan rendah karbon, keputusan yang dicapai di AMEM-43 ini melambangkan tekad bersama pemimpin-pemimpin di rantau ini untuk melaksanakan peralihan tenaga yang inklusif dan mampan, sejajar dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan peranan pendigitalan, inovasi dan pembiayaan mampan sebagai pemangkin utama kepada transformasi negara yang lestari.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

16 Oktober 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

